

Kerajaan pertimbang tukar sistem percukaian

> Usaha bagi galakkan penggunaan produk tempatan

Oleh Irwan Shafrizan
Ismail dan Zanariah
Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Cyberjaya

Kerajaan akan mempertimbangkan kemungkinan menukar sistem percukaian di negara ini dalam usaha menggalakkan penggunaan produk tempatan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau juga tidak tahu mengapa dasar kerajaan ketika ini lebih cenderung menggalakkan import berbanding eksport.

Struktur semula cukai

"Saya tidak tahu kenapa kerajaan mempunyai dasar yang dilihat menggalakkan import berbanding eksport. Kita tidak berkhidmat dengan negara kita sendiri (menerusi dasar ini), jadi kita perlu menukar dasar kerajaan. Ini akan membabitkan perancangan dalam mensstruktur semula cukai membabitkan industri tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata, menerusi pendekatan itu, lebih ba-



Dr Mahathir merasmikan Technomart Rel 2019 di Cyberjaya, semalam.

nyak produk akan dikeluarkan, sekali gus membantu penguangan import, namun rakyat tidak boleh dipaksa membeli barangan keluaran tempatan walaupun ia menjadi dasar kerajaan.

"Anda boleh bawa kuda ke air, tetapi anda tidak boleh paksaan minum air itu," katanya menjawab soalan tetamu yang bertanyakan mengapa kerajaan mengenakan cukai kepada produk keluaran tempatan sedangkan ada produk import dikesualikan cukai pada sesi soal jawab selepas Majlis Pembukaan Technomart Rel 2019, di sini semalam.

Technomart Rel 2019 di Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIG-

HT) adalah program terbesar dianjurkan di negara ini bagi mempamerkan hasil teknologi serta inovasi kejuruteraan rel tempatan.

MIGHT adalah organisasi bukan bermotif keuntungan di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang memainkan peranan penting dalam membangunkan teknologi tinggi di Malaysia menerusi peranannya sebagai badan pemikir serta platform bagi kerjasama awam-swasta dan pembimbing perniagaan.

Contohi masyarakat Jepun

Perdana Menteri juga berharap rakyat Malaysia dapat mencontohi masyarakat Jepun yang cenderung membeli produk

mereka sendiri.

"Rakyat Malaysia memandang rendah pencapaian kita sendiri. Jika kita buat kereta keluaran Malaysia, ia akan menjadi kereta paling teruk berbanding kereta buatan luar. Disebabkan itu, banyak duit keluar sedangkan kita ada kemahiran bukan sahaja membina kereta api, malah kapal terbang dibina disini. Jadi keupayaan itu ada.

"Jika anda memilih produk tempatan, lama-kelamaan kualiti produk itu akan bertambah baik. Jika anda tidak menggalakkan produk tempatan dan membeli barang import, tiada peluang bagi produk kita untuk sampai ke standard antarabangsa," katanya.